

**TUJUAN, KEPENTINGAN DAN KESAN PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH (SOFTSKILL) DALAM PENGAJARAN SUBJEK USAHAWAN SISWA DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA: ANALISIS PSIKOLINGUISTIK.**

***THE PURPOSE, IMPORTANCE AND EFFECT OF SOFTSKILL APPLICATION IN TEACHING STUDENTS ENTREPRENEURSHIP AT UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA: PSYCHOLINGUISTIC ANALYSIS.***

Siti Noridayu Abd. Nasir  
Hazlina Abdul Halim

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Malaysia

*Corresponding Author's Email : [noridayu87\\_nasir@yahoo.com](mailto:noridayu87_nasir@yahoo.com)*

---

**Article History:**

Received : 17 October 2024

Revised : 30 November 2024

Published : 31 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

**To cite this article:**

Nasir, S.N & Halim, A.H (2024). TUJUAN, KEPENTINGAN DAN KESAN PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH (SOFTSKILL) DALAM PENGAJARAN SUBJEK USAHAWAN SISWA DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA: ANALISIS PSIKOLINGUISTIK. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 175-187

**ABSTRAK**

Kemahiran Insaniah merupakan elemen yang diterapkan dalam subjek Kokurikulum berkredit di Universiti Putra Malaysia. Subjek Usahawan Siswa (QKH2104) merupakan salah satu subjek kokurikulum berkredit yang mula diperkenalkan pada 2016 di Universiti Putra Malaysia. Elemen keusahawanan, komunikasi juga kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dinilai secara khusus oleh pengajar. Bagaimanapun, elemen kepimpinan, kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat juga etika dan nilai profesional diterapkan secara umum sepanjang proses pengajaran. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada tujuan, kepentingan dan kesan penerapan kemahiran insaniah dalam proses pengajaran subjek Usahawan Siswa (QKH2104) di Universiti Putra Malaysia kepada mahasiswa. Malah, kemahiran insaniah mempunyai kaitan dengan aspek psikolinguistik mahasiswa di UPM. Hasil kajian memperlihatkan bahawa kemahiran insaniah mempunyai kebaikan dalam psikolinguistik mahasiswa sebagai persediaan ke alam kerjaya. Adalah diharapkan, elemen kemahiran insaniah boleh diperluaskan kepada sistem pendidikan bermula di peringkat rendah hingga tinggi dalam membina sahsiah diri seorang mahasiswa. Hal ini kerana, elemen kemahiran insaniah melengkapi segenap keperluan kehidupan yang diperlukan semasa di rumah, universiti dan alam pekerjaan kelak.

**Kata kunci:** kemahiran insaniah, subjek Usahawan Siswa, psikolinguistik

## ABSTRACT

*Soft skills are an element that is applied in the creditable co-curriculum at University Putra Malaysia. Student Entrepreneurship Subject (QKH2104) is one of the credit co-curricular subjects that was first introduced in 2016 at University Putra Malaysia. An elements of entrepreneurship, communication as well as critical and creative thinking skills are specifically evaluated by instructor. However, an elements of leadership, teamworks, lifelong learning as well as ethics and professional values are generally applied throughout the teaching process. Therefore, this study focuses on the purpose, importance and effect of applying soft skills in the teaching process of Student Entrepreneurship Subject (QKH2104) at University Putra Malaysia to students. In fact, soft skills are related to the psycholinguistic aspects of students at UPM. The results of the study show that soft skills have an advantages in students psycholinguistics as a preparation for the career path. It is hoped that an elements of soft skills can be expanded to the education system starting at the elementary to high level in building a student's personality. This is because, the soft skills an elements complements all the needs of life that are needed at home, university and the career future.*

**Keywords:** soft skills, student entrepreneurship subject, psycholinguistic

## PENGENALAN

Kemahiran Insaniah (KI) merupakan elemen yang diterapkan ke dalam subjek kurikulum berkredit di Universiti Putra Malaysia (UPM). Irwan Fariza Sidik *et.al*, (2020) menjelaskan bahawa kemahiran insaniah mahasiswa seperti kemahiran berfikir kritis, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi didapati mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Lazimnya KI menjadi salah satu asas terpenting dalam penilaian mahasiswa melalui pengajaran, pembelajaran dan aktiviti mahasiswa. Terutamanya, dalam aktiviti di dalam kelas ketika subjek kurikulum berkredit dijalankan pada setiap semester. Kurikulum berkredit wajib diambil oleh mahasiswa UPM selama dua semester, iaitu satu jam kredit pada satu semester bagi melengkapkan syarat untuk bergraduat daripada UPM. Hal ini kerana, terdapat elemen penting sebagai persediaan mahasiswa UPM sebelum bergraduat yang diterapkan sepanjang mengambil subjek kurikulum berkredit.

Selain itu, mahasiswa di UPM boleh memilih kursus yang ditawarkan mengikut minat masing-masing. Penawaran kursus yang pelbagai oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM dapat melahirkan mahasiswa yang berkemahiran dalam subjek kurikulum berkredit yang diambil pada semester tersebut. Oleh itu, pelbagai teras boleh dipilih seperti teras sukan, teras kesukarelaan, teras budaya, teras keusahawanan dan teras kepimpinan. Semua teras tersebut menawarkan pelbagai kursus pilihan yang menarik pada setiap semester. Bagaimanapun, mahasiswa perlu memberikan komitmen pada setiap aktiviti yang disertai kerana mempunyai penilaian berterusan oleh pengajar kursus. Lazimnya, mahasiswa dinilai melalui laporan kehadiran, buku log dan rubrik yang disediakan mengikut teras. Kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah akan dinilai pada setiap minggu selama 14 minggu kelas. Aktiviti ini termasuklah pengajuran program simulasi dan program komuniti oleh mahasiswa kursus.

Seterusnya, mahasiswa UPM didekah dengan elemen tujuh KI yang digariskan oleh pihak UPM dalam aktiviti kelas, pengajuran projek mini dan projek mega. Antara KI tersebut adalah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kreatif, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat juga etika dan nilai profesional. Oleh itu, tujuh KI ini perlu dikuasai oleh

mahasiswa secara amali sepanjang aktiviti kelas juga pengajuran projek mini atau simulasi dan projek komuniti. Kemudian, salah satu kursus baru yang ditawarkan bermula semester 2 2016/2017 adalah subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di bawah teras keusahawanan. Tujuan utama kewujudan kursus ini bagi membentuk mahasiswa yang dapat meningkatkan pengetahuan tentang ilmu keusahawanan secara *hands-on* melalui aktiviti yang dijalankan. Pergerakan aktiviti secara amali dapat melatih mahasiswa menguruskan perniagaan dengan membezakan peranan peniaga dan usahawan selaras dengan peranan mereka sebagai mahasiswa yang berpendidikan. Malahan, dalam masa yang sama mahasiswa dilatih menjalankan program akhir mereka yang bertemakan konsep keusahawanan.

Nadia Farhanah Hamzah dan Norasmah Othman (2020) menjelaskan bahawa daripada kajian yang dilaksanakan maka dapat menyokong para usahawan meningkatkan kemahiran sama ad secara formal maupun tidak formal secara berterusan supaya lebih berkemahiran dalam mengembangkan perniagaan sedia ada dan mampu bersaing di peringkat global. Oleh yang demikian, pendidikan dan kajian ilmiah secara berterusan dapat meningkatkan kemahiran usahawan di negara ini. Hal ini demikian kerana, aktiviti keusahawanan di Malaysia mampu menjana pendapatan negara dan ekonomi keluarga. Oleh yang demikian, pendidikan keusahawanan bermula sejak di peringkat university lagi untuk membantu bakal-bakal usahawan muda di Malaysia.

Dalam proses pembelajaran ilmu keusahawanan untuk subjek QKH 2104 pula penerapan tujuh K1 bertujuan memberikan kesan kepada psikologi dan linguistik mahasiswa. Izan Mohd Yusoff *et.al.* (2020) menjelaskan psikolinguistik adalah gabungan perkataan psikologi dan linguistik yang bermaksud ilmu yang berkaitan dengan hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal manusia. Hal ini demikian kerana, tindakan dan emosi mahasiswa adalah aspek psikologi yang menjadi tunjang dalam meningkatkan kualiti diri mereka. Manakala, aspek linguistik memainkan peranan dalam penilaian teknikal untuk mendidik mahasiswa agar lebih berketerampilan untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Tambah Izan Mohd Yusoff *et.al.* (2020) lagi, psikolinguistik, bahasa yang digunakan perlulah tersusun dan mempunyai unsur tatabahasa yang baik. Psikolinguistik mahasiswa yang mantap dapat mendidik mereka dengan lebih baik agar menjadi perintis yang baik dalam bidang keusahawanan suatu masa nanti.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas dijalanan oleh penyelidik untuk melihat sesuatu keberkesanan melalui kajian yang melibatkan manusia, lapangan maupun teks. Bagaimapun, setiap kajian yang menggunakan medium, responden, item dan bahan kajian yang sama tidak semestinya mendapat keputusan kajian yang sama. Malah, kajian baharu yang dijalankan lazimnya akan menjadikan kajian lepas hanya sebagai rujukan dan menjalankan kajian baharu dari aspek yang berbeza. Oleh itu, kajian lepas penting kepada kajian akan datang untuk mendapatkan lompatan kajian dan hasil dapatan kajian lepas sebagai perbandingan. Bagi melaksanakan kajian ini maka kajian lepas tentang kemahiran insaniah, keusahawanan dan psikolinguistik dianalisis dengan melihat kepada objektif, metodologi dan hasil dapatan kajian.

### *Kemahiran Insaniah Mahasiswa*

Norazila Mat *et.al.* (2017) menjalankan kajian tentang pembentukan Kemahiran Insaniah melalui badan beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan mahasiswa dalam badan beruniform seperti PALAPES, Kor SUKSIS dan Kor SISPA dapat memberikan kesan melalui penerapan kemahiran insaniah dalam badan beruniform tersebut. Oleh itu, seramai 40 orang mahasiswa bagi setiap badan beruniform diambil sebagai responden dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pemikiran kritis dan kreatif juga etika dan nilai profesional menunjukkan kesan yang positif melalui beberapa faktor yang digariskan. Antaranya, faktor penyumbang kepada peningkatan kemahiran insaniah adalah pembentukan kemahiran insaniah, meningkatkan disiplin diri, minat mahasiswa terhadap badan

beruniform, menyertai badan beruniform untuk mengisi masa lapang, elau yang diberikan, pengaruh rakan sebaya serta dorongan keluarga. Terdapat tujuh faktor yang digariskan dalam kajian ini yang meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam badan beruniform dengan pembentukan kemahiran insaniah yang efektif.

Chang Peng Kee *et.al.*, (2011) menjalankan kajian hubungkait antara Kemahiran Insaniah dengan dimensi hubungan Organisasasi-Publik. Kajian ini memfokuskan kepada ukuran komunikasi mahasiswa dengan publik. Malahan, kajian ini memfokuskan kepada tahap penguasaan mahasiswa dalam kemahiran komunikasi, kemahiran keusahawanan, kemahiran kritis dan kreatif, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan juga etika dan nilai profesional. Oleh itu, persepsi daripada 115 orang mahasiswa diambil secara bersemuka bagi mendapatkan data. Hasil dapatan kajian menunjukkan hubungan komunikasi lisan mempunyai kaitan yang positif dengan kemahiran komunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan maklumat dan kemahiran keusahawanan. Bagaimanapun, etika dan nilai profesional mempunyai hubungan pertukaran berhubung yang songsang.

Ahmad bin Esa *et.al.*, (2008) mengkaji tentang penguasaan Kemahiran Insaniah dalam kalangan mahasiswa kejuruteraan melalui pembelajaran koperatif dengan menjalankan tinjauan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sejauh mana penguasaan Kemahiran Insaniah antara mahasiswa di IPTA dan PTS. Kemudian, kajian ini bertujuan mengkaji adakah wujud perbezaan yang signifikan antara IPTA dan PTS dalam menguasai Kemahiran Insaniah setelah mengikuti pembelajaran koperatif. Hasil dapatan kajian mendapati pembelajaran komperatif dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pemikiran kritis mahasiswa UniKL MFI dan UTM. Malah, hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran komunikasi, pemikiran kritis juga penyelesaian masalah dan kerja berpasukan setelah melalui pembelajaran komperatif oleh UniKL MFI dan UTM.

### *Keusahawanan dan Mahasiswa*

Norain Mod Asri *et.al.*, (2019) menjalankan kajian tentang kecenderungan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Kajian dijalankan dengan tujuan mengupas isu tentang kencenderungan mahasiswa di UKM terhadap bidang keusahawanan. Selain itu, kajian melibatkan 310 orang mahasiswa sebagai responden kajian dengan memberikan soal selidik. Hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa lebih daripada dua per tiga mahasiswa cenderung terhadap aspek keusahawanan. Walau bagaimanapun, kecenderungan terhadap keusahawanan semakin menurun apabila menjelang semester terakhir mahasiswa di IPT.

Ida Nadia Hamidon dan Khairul Anuar Mohd Ali (2016) menjalankan kajian tentang peranan universiti sebagai pembimbing terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar. Fokus utama kajian ini mengupas tentang peranan universiti sebagai sebuah institusi pembangunan keusahawanan pelajar. Malahan kajian ini memfokuskan tentang peranan universiti yang bertindak sebagai pembimbing pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil dapatan kajian mendapati peranan universiti sebagai salah sebuah pusat pembimbing keusahawanan masih kurang diberi tumpuan. Malahan, peranan universiti dalam pembangunan keusahawanan hanya dikukur melalui aspek psikologi dan pendidikan keusahawanan sahaja. Oleh itu, kajian mencadangkan sokongan model yang kukuh untuk membantu membimbing pelajar ke arah pembentukan pembangunan usahawan yang lebih baik dalam kalangan pelajar.

Armanurah Mohamad *et.al.* (2014) mejalankan kajian formulasi pelajar di intitusi pengajian tinggi ke arah bidang keusahawanan. Kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana profil bekas pelajar Program

Siwaniaga selepas bergraduat, menilai pencapaian selepas mereka tamat pengajian dan meninjau bilakah mereka memulakan langkah sebagai usahawan sepenuh masa selepas tamat pengajian. Sampel kajian adalah seramai 171 bekas pelajar Program Siwaniaga diambil sebagai data kajian melalui soal selidik (kuantitatif) selepas lima tahun mereka bergraduat. Hasil dapatan kajian menunjukkan lebih separuh bekas peserta Program Siwaniaga menjadi usahawan. Manakala, hampir 20 peratus bekas pelajar telah memulakan perniagaan selepas bergraduat. Kajian mendapati penglibatan pelajar secara *hands-on* semasa dalam pengajian di IPT dapat membantu mereka menjadi usahawan selepas bergraduat.

### *Psikolinguistik*

Khotimah Suryani (2022) menjalankan kajian berkaitan hubungan ilmu psikolinguistik dengan pendekatan komunikatif melibatkan pembelajaran bahasa Arab. Tujuan kajian dijalankan untuk menjelaskan hubungan psikolinguistik dengan pendekatan komunikatif bahasa Arab. Kajian ini menjelaskan bahawa bahasa adalah medium yang tidak mempunyai had dalam pemahaman manusia. Malah, psikolinguistik adalah mekanisme mental yang berlaku kepada manusia yang menggunakan bahasa dalam memahami ujaran dan menghasilkan bahasa. Selain itu, pendekatan komunikatif bertujuan melaksanakan kompetensi dalam pembelajaran bahasa dengan perkembangan prosedur pembelajaran dengan empat keterampilan. Antaranya, menyemak, membaca, berbicara dan menulis. Oleh yang demikian, hubungan ilmu psikolinguistik dan pembelajaran bahasa Arab adalah lakukan dalam komunikasi dengan memahami dan menghasilkan ujaran yang efektif.

Hanifah Sabin *et.al.*, (2019) menjalankan kajian tentang modul membaca awal prasekolah menggunakan nyanyian melalui Teori Psikolinguistik Kognitif dan aplikasi dalam kaedah pembelajaran secara bermain. Tujuan kajian dijalankan untuk membangunka Modul Riang Ria Membaca (MRRM) kepada kanak-kanak prasekolah di pedalaman Sabah melalui medium nyanyian. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan tiga teori psikolinguistik. Antaranya, Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget, Teori Perkembangan Kognitif Lev Vygotsky dan Teori Psikolinguistik Kognitif. Keputusan kajian memperlihatkan pembangunan MRRM ini memberikan sumbangan dalam kaedah dan sumber pengajaran membaca yang menyeronokkan sesuai dengan pembelajaran masa kini.

Hasan Hasan (2018) menjalankan kajian psikolinguistik dengan melihat kepada manfaat untuk program pembelajaran bahasa Arab. Kajian membungangkan tentang psikolinguistik yang diaplikasikan untuk memahami pemerolehan bahasa pertama mahupun dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Malah, kajian memperlihatkan bahawa ruang kajian psikolinguistik memberikan manfaat dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, psikolinguistik dilihat mempunyai hubungan dengan proses pembelajaran dalam subjek melibatkan bahasa. Hasil dapatan kajian memperlihatkan bahasa aspek psikolinguistik juga penting untuk subjek lain dalam aplikasinya kepada mahasiswa dalam semua proses pembelajaran.

Oleh itu, kajian lepas yang dijalankan mengenai kemahiran insaniah (KI) signifikan dengan kajian yang dijalankan ini bagi melihat tujuan, kepentingan dan kesan hasil penerapan KI ke dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM. Malah, kajian lepas tentang aktiviti keusahawanan yang telah dijalankan kepada mahasiswa di IPT lain signifikan dalam kajian ini bagi melihat bagaimana pelasanaan aktiviti keusahawanan terhadap pelajar di UPM. Selain itu, kajian ilmiah tentang psikolinguistik dalam pembelajaran signifikan dengan kajian ini kerana aplikasi psikolinguistik bermula dalam proses pembelajaran daripada peringkat rendah lagi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ilmiah memerlukan prosedur dalam kajian melalui binaan metodologi yang terancang. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan penyelidikan berbentuk kualitatif yang menghuraikan secara teks sepenuhnya dan berdasarkan kajian lapangan. Maka, dalam metodologi kajian dibincangkan aspek

persoalan kajian, objektif dalam kajian ini, kaedah yang diaplikasikan, batasan kajian, kepentingan kajian ini serta teori yang diaplikasikan dalam analisis data kajian ini.

### *Persoalan kajian*

Pelaksanaan kajian ini didasari dengan tiga persoalan kajian untuk mendapatkan data, antaranya:

- i. Apakah tujuan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM?
- ii. Apakah kepentingan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM?
- iii. Apakah kesan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM?

### *Objektif kajian*

Oleh itu, kajian ini khususnya memfokuskan kepada tiga objektif kajian.

- i. Menjelaskan tujuan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.
- ii. Meneliti kepentingan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.
- iii. Menghuraikan kesan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.

### *Kaedah kajian*

Kajian ini adalah penyelidikan secara deskriptif yang merujuk kepada bahan ilmiah berbentuk primer dan sekunder. Bahan kajian penyelidikan ilmiah memerlukan rujukan yang mempunyai keesahan untuk melaksanakan kajian dalam lapangan akademik. Oleh yang demikian, sumber rujukan seperti buku, artikel jurnal, kertas prosiding, artikel akademik berkaitan tajuk dan rencana berkaitan menjadi sumber utama dalam kajian.

### *Batasan kajian*

Kemudian, kajian ini dibataskan kepada lima aspek dengan justifikasi untuk memfokuskan kepada aspek penting melibatkan kajian sahaja. Antaranya:

- i. Pertama, kajian ini dibataskan dengan memberikan fokus kepada subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) yang ditawarkan di UPM kerana dalam subjek ini mengadungi amali secara berterusan. Malah, subjek QKH 2104 memerlukan pelaksanaan program simulasi dan program komuniti bagi melengkapkan kursus.
- ii. Kedua, batasan kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga Kemahiran Insaniah (KI) yang merangkumi komunikasi, pemikiran kritis dan kreatif dan kemahiran keusahawanan. Tiga KI ini telah digariskan dalam silibus pembelajaran kokurikulum berkredit di UPM dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104).
- iii. Ketiga, batasan kajian ini hanya memfokuskan kepada sebuah universiti awam sahaja. Universiti Putra Malaysia dipilih sebagai lokasi kajian kerana menawarkan subjek keusahawanan dalam kokurikulum berkredit yang berbeza daripada subjek Asas Keusahawanan yang wajib dilengkapkan oleh semua mahasiswa UPM sebagai syarat bergraduat. Oleh yang demikian, mahasiswa yang memilih subjek QKH 2104 adalah individu yang mengambil dua subjek berteraskan keusahawanan di UPM.
- iv. Keempat, kajian dibataskan kepada subjek QKH 2104 yang ditawarkan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) di UPM. Hal ini demikian kerana, PKPP memberikan penekanan terhadap penilaian teknikal mahasiswa. Oleh itu, amali dan kemahiran

- teknikal merupakan penilaian markah yang diberikan oleh fasilitator kepada mahasiswa yang mengambil subjek QKH 2104.
- v. Kelima, batasan kajian ini memberikan fokus kepada aktiviti keusahawanan sahaja yang dilaksanakan dalam subjek QKH 2104. Hal ini demikian kerana, penilaian tertinggi dalam sistem pemarkahan adalah keberkesanannya dalam amali berteraskan keusahawanan yang dilaksanakan oleh mahasiswa dalam program yang dianjurkan oleh mereka.

#### *Kepentingan kajian*

Selanjutnya, kepentingan dalam kajian ini terbahagi kepada lima pihak. Antaranya:

- i. Universiti  
Pihak universiti dapat mengetahui dengan jelas langkah dan program yang wajar dianjurkan berteraskan keusahawanan kepada mahasiswa. Langkah ini bertujuan melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik dan mempunyai minda usahawan yang tinggi dalam diri mereka.
- ii. Pensyarah  
Melalui kajian ini para pensyarah dan pengajar dalam bidang keusahawanan dapat meningkatkan lagi nilai tambah untuk membantu mahasiswa menguasai ilmu dalam subjek berteraskan keusahawanan.
- iii. Mahasiswa  
Hasil kajian ini penting kepada diri mahasiswa sendiri untuk memilih sesuatu bidang dalam keusahawan yang boleh memberikan kebaikan dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana, ilmu keusahawanan di universiti dapat mendidik mahasiswa untuk berfikir dengan lebih jauh, kreatif dan ke hadapan dengan ilmu yang dipelajari.
- iv. Ibu bapa  
Selain itu, ibu bapa juga turut mendapat kebaikan daripada hasil penyelidikan ilmiah tentang kebaikan mempelajari ilmu keusahawanan di universiti. Hal ini demikian kerana, ibu bapa berperanan dalam memilih bidang yang terbaik untuk masa hadapan anak-anak mereka. Universiti dapat menjadi platform ilmu dalam mendidik anak-anak muda hari ini menjadi usahawan berjaya.
- v. Komuniti  
Akhir sekali, komuniti turut mendapat kebaikan daripada ilmu keusahawanan yang dipelajari di universiti. Hal ini demikian kerana, program yang dilaksanakan memerlukan penglibatan komuniti untuk menyampaikan wahana ilmu dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, program bersama komuniti bertujuan memindahkan ilmu keusahawanan daripada mahasiswa di UPM.

#### *Teori kajian*

##### *Teori Noam Chomsky*

Kajian ini mengaplikasikan teori psikolinguistik Noam Chomsky dalam bidang linguistik. Menurut Noam Chomsky manusia dilahirkan secara semula jadi dengan alat peranti bahasa yang dikenali sebagai *Language Acquisition Device* (LAD). Melalui LAD manusia mendapat, memperoleh dan menghasilkan bahasa ke dalam bentuk lisan atau teks. Lazimnya, pembelajaran bahasa secara tidak formal bermula dengan bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka. Malah, dalam teori kognitif Noam Chomsky berpendapat bahawa setiap manusia dilahirkan dengan potensi berbahasa dengan akal untuk membolehkan seseorang manusia menerbitkan perkataan dan ayat.

Selain itu, Noam Chomsky juga berpendapat bahawa penghasilan sesuatu bahasa tidak terhad kepada item, peristiwa atau pengalaman seseorang. Tetapi bahasa boleh berkembang secara kreatif melalui daya ingatan manusia dan rangsangan tertentu. Kreativiti berbahasa terjadi melalui aktiviti berbahasa melibatkan penulisan, bacaan dan ujaran sesuatu yang baru dipelajari oleh seseorang individu. Ujaran baharu terkandung dalam kompetens dan pretasi dalam Teori Noam Chomsky.

Oleh itu, kompetensi adalah situasi seseorang pendengar dan penutur yang mempunyai kompeten dan prestasi dalam komunikasi mereka. Kompeten merupakan sistem rumus untuk menghasilkan ujaran tanpa batasan. Manakala, prestasi adalah bunyi-bunyi yang diujarkan oleh seseorang. Maka, proses ini melibatkan tatabahasa generatif di dalam sistem otak manusia. Malah, pengaruh bahasa juga berlaku dalam persekitaran manusia sejak kanak-kanak lagi. Tatabahasa dihubungkan dengan persekitaran, pengalaman dan tahap kebolehan berbahasa. Teori Noam Chomsky adalah proses mental yang menghasilkan bahasa.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada mahasiswa yang mengambil subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM yang telah diwujudkan sejak September 2016 lagi. Bagaimanapun, pada semester 1 2017/2018 terdapat perubahan dalam penilaian berdasarkan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104). Oleh yang demikian, kajian ini penting dalam mengupas tujuan, kepentingan dan kesan penerapan ilmu keusahawanan pada peringkat pengajian tinggi di universiti. Hal ini demikian kerana, penting bagi pengajar mengetahui tujuan, kepentingan dan kesan mengapa perlunya diterapkan KI ke dalam proses pengajaran kepada mahasiswa. Walaupun, proses pengajaran dan bersemuka dengan pelajar hanya 14 minggu tetapi kebaikan penerapan KI dapat diaplikasikan sehingga ke alam pekerjaan selepas bergraduat. Oleh itu, setiap objektif kajian akan menjawab mengapa perlu diwujudkan penerapan KI ke dalam kursus Usahawan Siswa (QKH 2104).

### *Objektif Kajian 1:*

Menjelaskan tujuan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.

Penerapan KI dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar UPM dalam menjalankan proses pengajaran program mini atau simulasi dan program komuniti. Malah, penerapan KI ini merangkumi aktiviti yang dijalankan di dalam kelas sepanjang satu semester. Bermula semester pertama bagi sesi 2017/2018 hanya tiga KI sahaja yang difokuskan dalam subjek Usahawan Siswa (QKH2104). Hal ini kerana, tiga KI ini menjadi fokus utama untuk penilaian markah dan aplikasi yang ditunjukkan oleh mahasiswa UPM. Antara KI tersebut adalah kemahiran komunikasi, kemahiran keusahawanan serta pemikiran kritis dan kreatif.

#### i. Kemahiran Komunikasi

Kemahiran ini bertujuan untuk melatih mahasiswa yang mengambil subjek keusahawanan berkomunikasi dengan cara yang betul. Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) menjelaskan bahawa kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap mahasiswa, sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pelajaran, persiapan untuk menempuh alam pekerjaan ataupun dalam interaksi sosial. Hal ini, kerana bagi menjalankan sesuatu perniagaan mahupun projek mereka perlu berkomunikasi dengan pelbagai pihak. Malah, kegagalan mengaplikasikan komunikasi yang berkesan akan merencatkan perjalanan proses perniagaan dan projek yang dijalankan. Melalui latihan aktiviti di dalam kelas, pengajuran program mini dan program komuniti mahasiswa dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan lebih baik.

#### ii. Kemahiran Keusahawanan

Seterusnya, penerapan kemahiran keusahawanan dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mahasiswa untuk menjalankan perniagaan. Esmalaily Muhammad Akhsan dan Norasmah Othman (2019) menjelaskan kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang ada dalam diri pelajar dan ia perlu di gilap agar kemahiran ini sentiasa digunakan sekaligus melahirkan pelajar yang memiliki tekad

keusahawanan. Malah, kemahiran keusahawanan juga melibatkan aktiviti konsultasi perniagaan yang dijalankan di dalam kelas. Pengetahuan yang luas dalam kemahiran keusahawanan penting untuk mahasiswa membezakan peranan usahawan dan fungsi seorang yang bergelar usahawan dalam bidang keusahawanan yang sebenar. Nishanti a/p Hari Chandra Rao dan Radin Siti Aishah Radin A. Rahman (2022) menjelaskan bahawa keinginan keusahawanan sering dipengaruhi oleh sikap dan kemahiran keusahawanan kerana ia memberi kesan secara langsung.

iii. **Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif**

Kemudian, antara kemahiran lain yang penting dalam menjalankan aktiviti keusahawanan adalah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kemahiran ini diterapkan ke dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) bertujuan melahirkan mahasiswa yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah apabila berlaku dalam aktiviti keusahawanan. Malah, kemahiran ini meliputi seluruh aspek kehidupan mahasiswa supaya mereka dapat menyelesaikan masalah dalam keadaan tekanan mahupun jika berlaku masalah di saat akhir.

*Objektif Kajian 2:*

Meneliti kepentingan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.

Penerapan KI penting dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) untuk menjayakan sesuatu penganjuran program yang melibatkan agensi lain dan komuniti luar. Lazimnya, aktiviti utama yang dijalankan dalam kursus keusahawanan adalah penganjuran program mini dan program komuniti. Program mini dijalankan pada pertengahan semester yang merupakan latihan awal sebelum menjalankan program komuniti berteraskan aktiviti keusahawanan. Manakala, penganjuran program komuniti adalah program yang lebih besar melibatkan pelajar dan komuniti luar yang berlangsung pada akhir semester bermula minggu kesepuluh. Program mini juga dikenali sebagai simulasi yang dilaksanakan agar dapat melihat kekurangan sebagai persediaan program komuniti.

Oleh yang demikian, terdapat beberapa kepentingan penerapan KI ke dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) dalam menganjurkan program mini dan program komuniti sebagai latihan dan memenuhi keperluan kursus pada semester tersebut.

- i. **Membentuk sikap mahasiswa yang berkualiti melalui penerapan KI**  
Kemahiran Insaniah (KI) penting bagi membentuk sikap mahasiswa melalui penerapannya supaya lebih positif, matang dan bijak dalam menjalankan sesuatu tugas. Hal ini kerana, tugas pengajar di IPT berperanan besar dalam membentuk sahsiah mahasiswa agar lebih positif.
- ii. **Melatih mahasiswa untuk menjalankan program yang melibatkan pelbagai pihak**  
Latihan bagi melihat sejauh mana penguasaan mahasiswa tentang KI dijalankan dari masa ke semasa bermula minggu pertama hingga minggu 14. Oleh itu, pengajar akan memberikan penilaian melalui penerapan KI dalam pengajuran program yang melibatkan pelbagai pihak dalam pelaksanaanya..
- iii. **Mengurangkan kadar pengangguran graduan akibat kelemahan KI**  
Antara perkara terpenting lain dalam penerapan KI adalah masalah pengangguran graduan. Elemen yang terkandung dalam penerapan KI semasa kelas dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran graduan melalui pendidikan keuahawanan dan komunikasi semasa kelas dijalankan.

- iv. Meningkatkan keyakinan mahasiswa dalam menjalankan sesuatu tugas berteraskan KI Penerapan KI di dalam kelas begitu penting. Hal ini kerana, latihan di dalam kelas merupakan latihan awal dalam meningkatkan keyakinan mahasiswa untuk menjalankan urusan yang lebih besar, terutamanya yang melibatkan banyak pihak dalam pengajuran sesuatu program. Keyakinan mahasiswa dapat ditingkatkan melalui aktiviti yang merangkumi aspek komunikasi serta kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- v. Melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan bidang kerjaya Kepentingan utama elemen penerapan KI adalah bagi melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan dalam bidang kerjaya apabila mereka menamatkan pengajian kelak. Hal ini kerana, dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) mahasiswa perlu menguasai kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan kreatif serta kemahiran keusahawanan bagi memenuhi keperluan markah mereka. Bagaimanapun, dalam masa yang sama secara tidak langsung elemen KI lain (kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat juga etika dan nilai profesional) sedang diaplikasikan dalam aktiviti yang mereka jalankan. Ini menunjukkan bahawa KI telah diaplikasikan sepenuhnya dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) secara langsung dan tidak langsung. Nor Suriati Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh (2022) menyatakan bahawa pihak industri lebih cenderung terhadap penguasaan elemen-elemen kemahiran serta menganggap setiap mahasiswa telah menguasai kemahiran-kemahiran tersebut sebelum memasuki arena pekerjaan.

*Objektif Kajian 3:*

Menghuraikan kesan penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) di UPM.

Oleh yang demikian, penerapan KI ke dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) memberikan kesan yang baik dalam penilaian yang diberikan kepada mahasiswa. Hal ini kerana, kesan penerapan KI hanya dapat dilihat dengan lebih jelas dalam pengajuran program yang dilaksanakan oleh mahasiswa.

Kesan terhadap kemahiran komunikasi mahasiswa, iaitu:

- i. Komunikasi yang berkesan dengan komuniti Pengajuran program bagi subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) memerlukan penglibatan bersama komuniti. Oleh itu, mahasiswa menunjukkan kemahiran komunikasi untuk berhubung dan berurusan dengan komuniti diaplikasikan dengan berkesan.
- ii. Mampu berkomunikasi dengan pihak atasan Majlis perasmian dan penutupan program memerlukan mahasiswa mengundang pihak atasan daripada Universiti Putra Malaysia dan agensi lain. Oleh yang demikian, komunikasi berkesan dan sesuai digunakan dengan baik oleh mahasiswa semasa berurusan dengan pihak atasan.
- iii. Berani berkomunikasi dengan kakitangan universiti Mahasiswa subjek Usahawan Siswa (QKH2104) perlu berurusan dengan pihak Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM untuk urusan pembentangan kertas kerja, kelulusan program dan pengajuran program. Maka, komunikasi yang baik dapat membantu pelajar ketika berurusan dengan kakitangan PKPP UPM.

Kesan terhadap kemahiran pemikiran kritis dan kreatif mahasiswa, iaitu:

- i. Kemahiran ini digunakan sepenuhnya apabila berlaku masalah di luar jangkaan semasa proses pengajuran program dan ketika program berlangsung. Mahasiswa dilihat cuba menyelesaikan masalah yang berlaku dengan cara terbaik. Masalah diselesaikan tanpa wujud perselisihan faham atau perkara yang tidak diingini.

Kesan terhadap kemahiran keusahawanan mahasiswa, iaitu:

- i. Bertepatan dengan teras yang diambil, iaitu teras keusahawanan. Mahasiswa subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) menjalankan amali dalam program mini atau simulasi dalam aktiviti berkaitan jualan. Pengajar akan menilai tahap pengurusan perniagaan mahasiswa bermula daripada proses sebelum perniagaan, ketika perniagaan dijalankan dan selepas perniagaan dijalankan. Oleh itu, mahasiswa dapat menguasai kemahiran keusahawanan secara berkesan melalui amali.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penerapan KI dalam subjek Usahawan Siswa (QKH 2104) bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Fatin Izati Mohd Taher dan Khadijah Abdul Razak (2022) menjelaskan kemahiran komunikasi perlu dikuasai oleh pelajar sebagai satu langkah persediaan jangka panjang dalam menggarap pengetahuan dan kemahiran yang kompeten bagi menghadapi pasaran kerja global. Nor Suriati Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh (2022) menjelaskan lagi Perubahan paradigma ke arah peningkatan kualiti diri dalam kalangan mahasiswa amat diperlukan bagi menembusi kebolehpasaran dalam pekerjaan global. Tambah Nor Suriati Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh (2022) lagi Anjakan paradigm ini merupakan transformasi diri dengan menguasai ciri-ciri kebolehpasaran yang diperlukan oleh pihak industri. Malah, bertujuan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan juga kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Selain itu, penerapan KI penting bagi membentuk sikap mahasiswa yang berkualiti melalui penerapan KI, melatih mahasiswa untuk menjalankan program yang melibatkan pelbagai pihak, mengurangkan kadar pengangguran graduan akibat kelemahan KI, meningkatkan keyakinan mahasiswa dalam menjalankan sesuatu tugas berteraskan KI dan melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan bidang kerjaya. Nor Asiah *et.al.* (2018) dalam abad ke-21, pendidikan keusahawanan merupakan suatu tren di dunia ini. Tambah Nor Asiah *et.al.* (2018) lagi bidang keusahawanan kini semakin berkembang maju di universiti selaras dengan seruan kerajaan yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada rakyat untuk menjadi usahawan. Seterusnya, penerapan KI juga memberikan kesan dalam komunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta kemahiran keusahawanan mahasiswa sepanjang semester dijalankan. Nishanti Hari Chandra Rao *et.al.* (2022) menjelaskan bahawa secara keseluruhannya, pelajar UA mempunyai keinginan dalam keusahawanan dan mempunyai minat untuk memilih kerjaya keusahawanan pada masa depan.

## RUJUKAN

- Ahmad Esa, Baharom Mohamad, Berhanuddin Mohd Salleh dan Fauzianna binti Awang. (2008). Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Melalui Pembelajaran Koperatif: Tinjauan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang dan Muhammad Hussin. (2014). Memformulasikan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi ke Arah Kerjaya Usahawan. Prosiding Perkem ke-9 (2014) 433 – 441.

- Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad dan Faridah Ibrahim. (2011). Hubungkait Antara Kemahiran Insaniah dengan Dimensi Hubungan Organisasi-Publik. *Jurnal Personalia Pelajar*. 14,23 – 36.
- Esmalaily Muhamad Akhsan dan Norasmah Othman. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4(31), 305-317.
- Fatin Izati Mohd Taher dan Khadijah Abdul Razak. (2022). Penguasaan Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Berorientasikan Animasi. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* (IJEPC). 7(45), 501-515.
- Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris Bullare@Bahari. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 44(1), 45-58.
- Hasan Hasan. (2018). Psikolinguistik: Urgensi dan Manfaatnya Pada Program Studi Pendidikan Bahasa Arab. *Jurnal Al Mi'yar*. 1(2), 1-18.
- Ida Nadia Hamidon dan Khairul Anuar Mohd Ali. (2016). Peranan Universiti sebagai Pembimbing Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE). 1(1),48-54.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, dan Abd Razaq Ahmad. (2020). Keterlibatan Pelajar dan Hubungannya dengan Kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 45(1),68-74.
- Izan Mohd Yusoff, Wan Haslinawati Wan Hassan dan Fatin Haminah Rosli. (2020). Psikolinguistik dalam Proses Pembelajaran Bahasa serta Kaitannya dengan Pendidikan Bahasa Arab. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5, 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. 255-266.
- Khotimah Suryani. (2022). Hubungan Ilmu Psikolinguistik dengan Pendekatan Komunikatif dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Keagamaan, Pendidikan dan Humaniora*. 9(2), 133-152.
- Nadia Farhanah Hamzah dan Norasmah Othman. (2020). Kemahiran Keusahawanan dan Kemahiran Kendiri Usahawan Luar Bandar. *Jurnal Dunia Perniagaan*. 2(4), 24-35.
- Nishanti a/p Hari Chandra Rao dan Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. (2022). Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH). 7(11), 1-17.
- Nishanti Hari Chandra Rao, Radin Siti Aishah Radin A Rahman dan Norasmah Othman. (2022). Keusahawanan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Adakah Sikap, Kemahiran dan Persekutaran Membentuk Keinginan. *International Journal of Education, Psychology And Counselling* (IJEPC). 7(48), 601-619.
- Norain Mod Asri, Mhd Suhaimi Ahmad dan Md Daud Ismail. (2019). Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* .22(1), 77-91.
- Norazila Mat, Muhammad Syaqif Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim dan Jamsari Alias. (2017). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. 20,33-46.
- Nor Asiah, Noor Hasni Juhdi, Rosilah Hassan dan Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. (2018). Mengalakkkan Kecenderungan Pelajar Terhadap Keusahawanan Melalui Literasi Digital, Penggunaan ICT Dan Kecekapan Kendiri dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*. 21(1), 43-53.

- Nor Suriati Othman dan Kamarul Shukri Mat Teh (2022) Anjakan Paradigma: Penggunaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dalam Kerja Berpasukan Membentuk Ciri-Ciri Kebolehpasaran. *International Journal of Islamic and Humanities Research (QALAM)*. 2(1), 29-39.
- Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(2), 44-56.